

30 AUG 1999

Alaf-Pelancaran

RAKYAT M'SIA BANJIRI STADIUM NASIONAL UNTUK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pelancaran "Perayaan Se Abad Malaysia KeAlaf Baru" di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini malam ini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di stadium kira-kira pukul 9.35 malam dengan kereta prototaip Proton dikenali sebagai Cabriolet dengan dipandu oleh perdana menteri sendiri.

Acara itu, yang disiarkan secara langsung oleh RTM, diadakan sempena ulang tahun Hari Kebangsaan ke-42 esok iaitu yang terakhir pada abad ini.

Perhimpunan di stadium yang boleh memuat 100,000 orang ialah susulan bagi acara sambutan sebenar di Dataran Merdeka esok.

Kemuncak acara malam ini ialah sesi persidangan melalui video antara Dr Mahathir dan semua 13 Menteri Besar dan Ketua Menteri serta konsert oleh artis tempatan.

Penonton di stadium dan di rumah juga dihiburkan dengan persembahan kebudayaan dari semua negeri yang disiarkan secara langsung.

Tepat tengah malam ini, Dr Mahathir akan menaikkan bendera "Jalur Gemilang" diikuti dengan lagu "Negaraku" serta pertunjukan bunga api.

Dr Mahathir kemudian akan amanat bagi generasi akan datang dalam kapsul masa yang akan dibuka pada 31 Ogos, 2099.

Ini kali pertama hitungan rasmi menuju 31 Ogos diadakan di Stadium Nasional dan tidak di Dataran Merdeka apabila rakyat Malaysia akan berhimpunan dekat menara jam di bangunan Sultan Abdul Samad.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Bersatu ke Alaf Baru."

-- BERNAMA

MAM FAZ